

30 NOV 1999

Mahathir-Terima Kasih

MAHATHIR: BN BERTERIMA KASIH KEPADA RAKYAT KERANA BERI SOKONGAN

KUALA LUMPUR, Nov 30 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan terima kasih kepada rakyat kerana sokongan mereka kepada Barisan Nasional (BN) yang membolehkan BN menang dengan majoriti lebih dua per tiga pada pilihan raya umum ke-10.

"BN sangat berterima kasih atas sokongan yang diberikan oleh rakyat itu.

"Kami akan memastikan negara ini akan terus bebas, sepadu dan maju," kata Pengerusi BN dan Presiden Umno itu, sambil merujuk kepada tema manifesto pilihan raya BN "Bebas, Sepadu, Maju."

Beliau menyatakan demikian pada persidangan berita yang penuh sesak di Pusat Daagangan Dunia Putra (PWTC) sejurus selepas BN diumumkan memperolehi majoriti lebih dua per tiga pada pilihan raya umum semalam.

"Jelas bahawa BN adalah pilihan rakyat Malaysia," kata beliau, dan diberikan tepukan gemuruh oleh para penyokong BN.

Sambil menegaskan yang BN akan menunaikan segala janjinya, Dr Mahathir berkata: "Kita akan meneruskan usaha untuk membangunkan negara bagi menebus maruah bangsa kita.

"Kita telah sebut dalam manifesto kita bahawa kita hendak satu negara yang bebas, sepadu dan maju dan kita akan terus menjamin sebuah negara yang bebas, sepadu dan maju," kata beliau.

-- BERNAMA

ES NMO